

Rahim: PM minta buat laporan polis

Oleh Nurul Adlina Kamaludin

GENTING HIGHLANDS, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pihak terbabit yang didakwa mengadakan hubungan sulit dengan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik, membuat laporan polis bagi memudahkan siasatan.

Menurut Perdana Menteri, tindakan itu penting bagi memastikan polis dapat menjalankan siasatan terperinci sebelum sebarang tindakan dapat diambil terhadap Rahim.

"Bagaimanapun, kerajaan tidak akan menghalang polis untuk menyiasat dakwaan itu, walaupun tiada sebarang laporan rasmi mengenainya.

"Selain siasatan itu, pihak yang didakwa terbabit juga perlu membuat laporan. Ini bagi memu-

yah, Pesuruhjaya Said Awang, berkata polis tidak dapat bertindak kerana dakwaan itu berdasarkan khabar angin dan tiada laporan polis dibuat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, pula dilaporkan berkata polis hanya boleh memulakan siasatan terhadap dakwaan itu sekiranya ada laporan rasmi daripada mereka yang terbabit.

Rahim yang juga Ketua Pemuda Umno didakwa mengadakan hubungan dengan pelajar perempuan berusia 15 tahun yang berasal dari Rumbia, Alor Gajah, Melaka. Bagaimanapun, pelajar itu kini dilaporkan berada di rumah kakaknya di Kuala Lumpur.

Beliau bagaimanapun berkali-kali menafikan ada membuat hubungan

Keluarga gadis pindah

MELAKA, Ahad — Keluarga pelajar perempuan berusia 15 tahun yang didakwa mempunyai hubungan dengan Ketua Pemuda Umno, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, dipercayai menghilangkan diri kerana mulai menjadi tumpuan pelbagai pihak.

Rumah bernombor 7799 di Taman Rumah Awam Rumbia berkunci sejak semalam setelah dikunjungi beberapa pihak yang berminat dengan isu itu termasuk pemimpin DAP yang berjanji membantu keluarga itu.

Bapa pelajar itu yang mahu nama ahli keluarganya dirahsiakan bercadang ke rumah kakak gadis itu di Taman Melawati, Kuala Lumpur, 30 Ogos ini.

Bagaimanapun, dengan perkembangan terbaru yang menyebutkan anak gadisnya menghilangkan diri sekali lagi, dipercayai beliau dan isteri serta dua anak lelaki-nya berpindah sementara sehingga isu itu reda.

dahkan lagi penyiasatan polis dan pihak lain yang bertanggungjawab," katanya.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Karnival Ekuestrian Merdeka Ketiga di Awana Horse Ranch, di sini, petang ini.

Beliau mengulas kenyataan Peguam Negara, Datuk Mohar Abdullah, semalam bahawa polis boleh memulakan siasatan terhadap dakwaan itu, walaupun tiada laporan rasmi yang diterima.

Khamis lalu, Pengarah Jabatan Siasatan Jena-

sulit dengan pelajar tingkatan tiga itu.

Sebuah akhbar semalam memetik Rahim sebagai berkata, pelajar yang dikaitkan dengannya kini 'disimpan' oleh seorang doktor.

Dr Mahathir berkata, bagi kes tertentu pihak berkuasa sebenarnya boleh menjalankan siasatan jika didapati wujud sesuatu kesalahan, walaupun tanpa laporan.

"Ini kerana ada kes tertentu yang mana pihak polis tidak perlu menunggu laporan untuk menjalan-

LIHAT MUKA 2

Perdana Menteri minta buat aduan polis

DARI MUKA 1

kan siasatan. Kalau kita sudah nampak seseorang itu kena saman, kita nak tanyakah dahulu sama ada dia sudah membuat laporan atau tidak (sebelum menjalankan siasatan)," katanya.

Menurutnya, beliau juga tidak mempunyai sebarang halangan terhadap siasatan ke atas Rahim dan menyerahkan tanggungjawab itu kepada pihak berkuasa.

Ini kerana, katanya, pihak berkuasa sudah diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawab itu sejak awal lagi.

"Kita tidak ada halangan terhadap siasatan itu. Mereka (pihak berkuasa) sudah diberi kuasa dan jika berpendapat siasatan itu perlu diteruskan, maka mereka boleh teruskan," katanya.

Beliau juga berkata, pihak berkuasa yang menjalankan penyiasatan itu juga akan diminta memberi laporan mengenai perkembangan siasatan itu dari semasa ke semasa kepadanya sebelum tindakan sewajarnya dapat diambil.

Selain itu, mengenai kenyataan Perdana Menteri Jepun, Tomiichi Murayama, bahawa Jepun akan

memberi pertimbangan serius terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Dr Mahathir berkata:

"Keputusan itu adalah sesuatu yang positif dan kita yakin Jepun akan memberi sokongan terhadap EAEC.

"Ini kerana melalui perbincangan Murayama dengan saya, beliau tidak melahirkan sebarang tentangan terhadap EAEC.

"Bagi saya ini petanda baik dan berbeza daripada Amerika Syarikat yang masih belum dapat memahami tujuan EAEC walaupun sudah diberi penerangan secukupnya."